

Rancang Kewangan untuk Perkahwinan, Pendidikan Anak dan Takaful

Setiap insan akan menempuh pelbagai fasa sepanjang kehidupannya. Bagi mereka yang berpandangan jauh dan mempunyai visi hidup yang jelas, sejak awal lagi mereka akan merancang hala tuju hidup. Dalam hal ini kaum wanita dilihat lebih terkehadapan dalam mempersiapkan diri apabila menempuh alam rumah tangga termasuk kewangan dan perbelanjaan bersama pasangan.

Secara praktikal, perancangan kewangan adalah segala yang berkaitan dengan mengurus kedudukan ekonomi dan kewangan seseorang individu dengan mengambil kira perkara-perkara yang ingin dilakukan seperti perkahwinan, membeli aset seperti rumah atau kereta, harta tanah, merancang untuk mendapatkan anak serta perancangan pendidikan anak.

Melalui perancangan kewangan, kita dapat mengenal pasti cara-cara membuat belanjawan, menabung dan membelanjakan wang dalam suatu tempoh masa yang tertentu. Selain itu, ia juga panduan untuk membantu anda mencapai sesuatu matlamat pada masa hadapan.

Berbincanglah dengan pasangan tentang kedudukan kewangan masing-masing agar anda tidak terperangkap di antara kehendak dan kemampuan diri yang akhirnya menjadi bebanan di kemudian hari.

Selepas mempunyai keluarga

“Berbincanglah dengan pasangan tentang kedudukan kewangan masing-masing agar anda tidak terperangkap di antara kehendak dan kemampuan diri yang akhirnya menjadi bebanan di kemudian hari.”

sendiri, perbelanjaan untuk pendidikan anak-anak menjadi agenda penting. Sebagai persediaan, ibu bapa disarankan membuka akaun simpanan atau mengambil takaful pendidikan yang biasanya akan matang apabila anak mencapai umur 18 tahun.

Dengan adanya perancangan kewangan dan disiplin menabung secara ‘paksa rela’ begini, apabila anak mendapat peluang melanjutkan pelajaran, ibu bapa tidak perlu risau tentang kos belajar dan pengajian. Sekiranya anak mendapat

biasiswa atau pinjaman pendidikan, wang tersebut boleh digunakan untuk keperluan lain.

Pada masa yang sama pemilikan rumah merupakan satu pelaburan yang tidak kurang pentingnya. Ia selalunya merupakan aset termahal bagi setiap individu. Oleh itu perancangan kewangan yang teliti perlu dilakukan untuk memulakan komitmen pembiayaan perumahan jangka masa panjang ini. Jika memiliki sebuah rumah adalah sebahagian daripada matlamat kewangan anda, anda perlu menilai kemampuan anda berdasarkan simparian dan pendapatan.

Setelah memiliki rumah idaman, anda juga perlu memiliki perlindungan pembiayaan takaful perumahan iaitu *Mortgage Reducing Term Takaful*. Ini bagi memastikan bayaran pinjaman perumahan anda terurus dan waris tidak terbeban sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini seperti hilang upaya kekal atau pun kematian.

Bagi meneruskan kestabilan ekonomi keluarga apabila rintangan hidup melanda, seseorang itu juga perlu mempunyai perlindungan takaful. Takaful juga memberikan anda peluang untuk menikmati perlindungan yang lebih spesifik dan berharga untuk diri anda dan keluarga. Antaranya, takaful memberi perlindungan jika anda sakit, hilang upaya atau kematian. Wang pampasan yang diterima daripada pelan takaful



dapat mengurangkan beban kewangan anda dan juga keluarga. Anda juga boleh memiliki kad perubatan takaful yang akan menanggung keperluan perubatan serta bil hospital, malah boleh juga menjadi sumber kewangan iaitu sebagai penggantian pendapatan.

Perancangan kewangan sebaiknya dimulakan sejak awal perkahwinan mengikut kemampuan semasa. Sudah pasti keperluan gaya hidup anda akan berubah setelah berkeluarga kelak. Anda boleh mendapatkan manfaat tambahan kepada pelan perlindungan sedia ada bagi melengkapkan lagi pelan takaful sedia ada. Jika anda belum melakukannya, bertindak segera. Bertanyalah kepada mereka yang arif dan dapatkan maklumat sebanyak mungkin.

Matlamat anda kini adalah memastikan kehidupan anda dan keluarga lebih bersedia untuk mengenal pasti pelan-pelan takaful yang menepati keperluan keluarga anda. Perancangan kewangan yang tepat dan bermula daripada peringkat awal dapat membantu anda dan keluarga untuk menghadapi masa hadapan yang semakin mencabar kelak.